

Submission date: 14/07/2021

Accepted date: 12/08/2021

DOI: 10.33102/abqari.vol24no2.415

**PESTA PONGAL DAN TAHUN BARU CINA, PERAYAAN ADAT ATAU PERAYAAN KEAGAMAAN? SATU TOLERANSI AGAMA DI MALAYSIA***Pongal Festival and Chinese New Year, Customary Festivals or Religious Festivals? A Religious Tolerance in Malaysia*Farrah Wahida Mustafar<sup>a1</sup> & Adam Badhrulhisham<sup>b2</sup><sup>a</sup>Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka<sup>b</sup>Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka, 78200 Kuala Sungai Baru, Melaka<sup>1</sup>farrahwahida@kuim.edu.my (corresponding author)<sup>2</sup>adambadhrul@kuim.edu.my**Abstract**

The purpose of this study was to examine the celebrations of non-Muslims, namely the Pongal Festival for Hindus and the Chinese New Year for the Chinese community, on whether the Pongal Festival and Chinese New Year are customary or religious festivals and to propose interfaith dialogue as the solution to ensure religious tolerance among the people. This phenomenon highlights the importance of interfaith dialogue to achieve inter-religious tolerance especially for Malaysia consists various races and religions. This literature review study using qualitative method concluded that the Pongal Festival celebrated by Hindus is religious in nature due to the element of worship to the Gods. Meanwhile, Chinese New Year consists of celebrations which can be classified as customary or cultural celebrations. According to the *syara'*, any act of *tasyabbuh* in akidah and belief is strictly prohibited. Though the aspect of *tasyabbuh* needs to be looked further in detail especially in the context of Malaysia as pluralistic-society country. Therefore, inter-religious dialogue, a consensus within the framework of a plural society can be created in a harmonious environment by taking into account the spirit of the Malaysian constitution which celebrates freedom of religion and by considering Islam as the religion of the federation.

Keywords: Tolerance, Interfaith Dialogue, Tasyabbuh, Religion, Chinese New Year, Pongal Festival.

### Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk meneliti polemik perayaan Pesta Pongal dan Tahun Baru Cina sama ada perayaan adat atau termasuk daripada perayaan keagamaan dan jalan penyelesaiannya dalam kerangka dialog untuk mencapai toleransi antara agama. Dalam hal ini, dialog bagi mencapai toleransi antara agama merupakan kaedah yang penting terutama bagi Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan agama. Kajian kepustakaan berbentuk kualitatif ini mendapati Pesta Pongal yang diraikan oleh penganut Hindu adalah termasuk dalam upacara keagamaan kerana terdapat unsur penyembahan kepada Dewa. Manakala Tahun Baru Cina pula, terdiri daripada keraian kepada sambutan tahun baru yang boleh dikelaskan sebagai perayaan adat atau budaya. Berdasarkan hukum syarak, sebarang perbuatan yang mempunyai unsur *tasyabbuh* dalam akidah adalah dilarang sama sekali. Namun begitu, aspek *tasyabbuh* ini perlu diteliti dengan lebih lanjut khususnya dalam konteks Malaysia sebagai negara berbilang kaum dan agama. Oleh itu, menerusi kerangka dialog antara agama, kehidupan seharian dalam kerangka masyarakat majmuk dapat diwujudkan dalam suasana harmoni dengan mengambil kira roh perlembagaan Malaysia yang meraikan kebebasan beragama, dan dengan mengambil kira Islam sebagai agama bagi persekutuan.

Kata kunci: Toleransi, Dialog Antara Agama, *Tasyabbuh*, Agama, Tahun Baru Cina, Pesta Pongal.

### PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang memiliki entiti masyarakat bersifat pluralistik kerana rakyatnya telah hidup bersama-sama berlatarbelakangkan kepelbagaian agama dan kaum sejak sekian lama malah sebelum mencapai kemerdekaan lagi (Muhammad Nazmi et al., 2016). Situasi ini terlihat seperti dalam Surah al-Hujurat ayat 13:

Maksudnya: “*Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan suku, supaya kamu saling berkenal-kenalan (dan beramah-mesra antara satu dengan yang lain).*”

Melalui ayat ini dapat difahami bahawa manusia diciptakan daripada pelbagai jenis ras dan bangsa. Oleh itu, menjadi keperluan kepada manusia untuk menerima hakikat kepelbagaian yang ada ini agar dapat mengenali antara satu sama lain. Kepelbagaian etnik di Malaysia menggambarkan bahawa masyarakat di Malaysia hidup dalam keadaan kemajmukan yang sangat ketara. Situasi kepelbagaian aspek sosiobudaya dan agama dalam masyarakat menyebabkan usaha untuk mewujudkan kesepakatan dan perpaduan antara kaum dan agama semakin mencabar. Ini kerana nilai agama

menduduki kedudukan istimewa dalam diri seseorang, apatah lagi ditambah dengan nilai sentimental sebagai warisan turun-temurun.

Sepanjang tempoh kemerdekaan sehingga kini, terdapat konflik yang telah berlaku antara kaum dan etnik khususnya Cina, India dan Melayu. Walau bagaimanapun, pergaduhan yang berlaku tidak menyebabkan kecederaan serius, rusuhan yang dahsyat atau terjadi pembunuhan serta kemusnahan yang teruk. Dalam tahun 1990-an, isu-isu agama yang lebih ketara telah muncul dan memberi pengaruh yang besar dalam hubungan etnik di negara ini (Siti Khatijah & Fadzli, 2015). Setiap kali tiba perayaan pada setiap tahun, akan muncul isu-isu yang berkaitannya dalam kalangan masyarakat. Antara perayaan yang sering menjadi pertikaian ialah Tahun Baru Cina. Contohnya seperti yang berlaku pada Januari 2020, Sekolah Menengah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong 1 di Selangor telah menghiasi kawasan sekolah dengan hiasan berunsur Cina sempena menyambut perayaan tersebut. Namun begitu, hal ini telah menjadi buah mulut dan mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan ibu bapa. Kes kedua yang juga berlaku pada bulan Januari 2020 rentetan pengumuman Kementerian Pendidikan bahawa perayaan Pesta Pongal; yang telah diharamkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh diraikan di peringkat sekolah. Perkara ini terus mengundang respon dan tindak balas masyarakat khususnya di media sosial. Lebih memburukkan keadaan, terdapat banyak ahli politik telah melontarkan pandangan berasaskan kefahaman dan kepentingan masing-masing. Hakikatnya masalah seumpama ini memerlukan kepada kaedah penyelesaian yang tuntas bagi mengelakkan konflik antara kaum terus berlaku. Mekanisme untuk mengenali dan mempelajari kepelbagaian yang ada antaranya ialah dialog antara agama. Melalui pendekatan dialog, sebarang polemik antara agama dapat diselesaikan secara baik seterusnya melestarikan keharmonian yang dikecapi selama ini.

Justeru, makalah ini membincangkan tentang kedua-dua perayaan yang mewakili setiap satu kaum dan agama yang berbeza. Terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan isu antara agama masih berlaku antaranya ialah isu kefahaman agama dan adat resam (Khairulnizam et al., 2014). Fokus artikel ini hanya kepada faktor ini sahaja iaitu kefahaman masyarakat terhadap perayaan kaum Cina dan India yang menjadi kaum kedua dan ketiga terbesar di Malaysia selepas kaum Melayu. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat supaya dapat mengelakkan kekeliruan khususnya dalam kalangan masyarakat Islam berkenaan perayaan kaum lain serta menjaga keharmonian demi kemaslahatan sesama kaum di Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa dan agama.

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan menerusi maklumat yang dikumpulkan daripada pelbagai pandangan dan kajian-kajian lepas, namun pembahasan artikel ini

adalah sekitar isu-isu yang sering dibangkitkan terutama dalam persoalan meraikan dua perayaan yang mewakili etnik dan agama kedua dan ketiga terbesar di Malaysia. Sekiranya isu ini tidak ditangani secara ilmiah dengan fakta dan data yang sahih, ia berkemungkinan akan menyebabkan konflik antara agama secara berterusan disebabkan kegagalan memahami hakikat sosiobudaya masyarakat berbilang kaum di Malaysia seterusnya melebarkan jurang antara mereka. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk meneliti konsep perayaan Pesta Pongal dan Tahun Baru Cina dari perspektif Islam dan jalan penyelesaian bagi polemik berkaitan hal ini dalam kerangka dialog antara agama.

### **KONSEP TOLERANSI AGAMA SEBAGAI TUNGGAK KESEPADUAN**

Ding (2005) telah mempertikaikan adakah sama perpaduan negara berbilang kaum dengan keharmonian antara kaum dengan berteraskan perkongsian nilai yang sama, seperti *national identity*, *national unity*, *common feeling of belongingness to a single nation state*. Berdasarkan nilai seponya yang dikemukakan sebagai tunjang kepada asas perpaduan telah menimbulkan banyak tanda tanya malah sehingga sekarang sering muncul konflik perkauman yang tidak berkesudahan. Dengan demikian, toleransi agama seharusnya menjadi tunjang kepada keharmonian antara kaum yang berpegang teguh kepada agama masing-masing. Nilai toleransi dalam al-Quran dapat dilihat dengan penggunaan lafaz *al-safhu* (berlapang dada) dan *al-afwu* (maaf) yang memberi gambaran konsep *tasamuh* (toleransi) (Mazlan, 2017). *Tasamuh* dalam pergaulan dengan golongan bukan Muslim tidak melangkahi makna *bertasamuh* dalam masalah keagamaan, tetapi wujud sikap saling menghormati dalam kalangan penganut beragama dan prihatin dalam masalah kemasyarakatan atau kepentingan umum dianggap sebagai kebijaksanaan bersosial (Khadijah, 2020).

Perbezaan agama tidak lagi menjadi ancaman kepada masyarakat beragama di Malaysia malah menjadikan Malaysia sebagai satu negara yang unik dengan adanya variasi agama. Kunci kepada kewujudan bersama (*co-existence*) dalam suasana keharmonian sehingga kini ialah nilai toleransi yang berjaya diterapkan dalam masyarakat. Konsep toleransi beragama berdiri atas asas sekiranya seseorang mahu agamanya dihormati, ini bermakna dia juga perlu menghormati ajaran agama lain (Ding, 2005). Walau bagaimanapun tidak boleh dinafikan meskipun Malaysia mempunyai masyarakat yang dapat bertoleransi baik dalam hal agama mahu pun budaya, konflik dalam isu-isu berkaitan dengan agama dan budaya tetap wujud sehingga dibimbangi dapat mengeruhkan hubungan masyarakat berbilang kaum (Azizan & Zaid, 2014). Memandangkan agama menjadi sentimen utama dalam diri seseorang, setiap penganut agama pasti akan mempertahankan kesucian dan keharmonian agama masing-masing daripada ditindas dan dipermainkan oleh penganut agama lain (Siti Khatijah & Fadzli, 2015). Oleh itu, setiap kumpulan etnik perlu memahami pantang-larang asas dalam setiap agama dan bertoleransi terhadap

kepercayaan agama kerana menghormati kebebasan beragama dan ia merupakan hak asasi manusia (Ding, 2005). Terdapat kajian membuktikan bahawa semakin tinggi interaksi dan komunikasi antara penganut agama yang berlainan agama maka akan semakin tinggi sikap bertoleransi agama dalam kehidupan seharian seseorang (Mutsalem & Jaffary, 2012). Kegagalan memahami dan menghayati sikap terhadap toleransi beragama ini boleh menyebabkan berlaku kesalahfahaman atau kekeliruan yang mendatangkan pertelingkahan dalam masyarakat berbilang agama.

Antara punca utama pertelingkahan antara umat beragama ialah setiap orang yang beragama susah untuk mengubah diri terutama untuk memperbaiki kelemahan diri seperti sikap, pandangan dan nilai terhadap agama (Ding, 2005). Ia bertitik tolak daripada sikap prejudis yang ada dalam diri individu beragama (Rahimin et al., 2011). Setiap individu yang beragama perlu dididik untuk menerapkan sikap toleransi beragama bagi mengoptimalkan ruang dan peluang dalam interaksi seharian tanpa wujud stereotaip dan kesangsian. Ding (2005) menjelaskan bagaimana kita dapat memupuk dan meningkatkan toleransi agama iaitu melalui pendidikan ajaran agama yang berlainan. Hakikatnya Islam telah menitikberatkan tentang toleransi beragama dalam pergaulan, memberi peluang bebas kepada manusia untuk menganut agama dan memilih kepercayaan berdasarkan keyakinannya sendiri tanpa ada sebarang paksaan (Mutsalem & Jaffary, 2014). Hal ini dapat dilihat dalam lipatan sejarah zaman awal Islam bila mana Rasulullah SAW tidak menafikan hak agama lain yang wujud di Madinah. Sikap sedemikian terus diamalkan dalam kerajaan-kerajaan Islam selepas baginda SAW. Bahkan Malaysia pada masa kini juga mengambil pendekatan yang serupa. Dari sudut perundangan di Malaysia, Perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Persekutuan menyebutkan Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Manakala Perkara 11 (1) pula memperuntukkan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, bebas menganut dan mengamalkan agama masing-masing. Dalam satu kajian yang dijalankan terhadap penganut Islam dan Buddha didapati secara umumnya masyarakat bersetuju bahawa mengamalkan sikap toleransi beragama dengan baik seperti hormat-menghormati dan persefahaman akan menutup sifat curiga-mencurigai antara satu sama lain bagi mengelakkan berlakunya perselisihan (Mutsalem & Jaffary, 2014).

Islam adalah agama yang sinonim dengan kalimah *mutasamihin* iaitu pemaaf, penerima dan pemurah selagi mana ia tidak bercanggah dengan nilai teras agama. *Tasamuh* dalam pergaulan dengan golongan bukan Muslim tidak bermaksud bertasamuh dalam masalah keagamaan, tetapi mewujudkan sikap saling menghormati dalam kalangan penganut beragama dan prihatin dalam masalah kemasyarakatan atau kepentingan umum (Mutsalem & Jaffary, 2014). Bagi menambahbaik nilai dan

amalan toleransi agama yang ada, masyarakat perlu didedahkan dengan interaksi antara pelbagai agama dan kaum bermula dari alam persekolahan (Khadijah et al., 2018). Walau bagaimanapun, bagi mempraktikkan amalan ini, konsep toleransi beragama seharusnya difahami bersama-sama dengan kerangka tasawur Islam dan prinsip *mahabbah* (Khadijah & Mohd Herzali, 2008) yang menekankan sifat tolak-ansur, sabar, seimbang, bertimbang-rasa, lemah lembut, waspada dan bijaksana (Mutsalem & Jaffary, 2014) bagi mencapai hasrat keharmonian dan hidup dalam suasana aman-damai dalam kalangan masyarakat majmuk khususnya di Malaysia.

## **PERAYAAN DALAM AGAMA DAN ETNIK DI MALAYSIA**

Malaysia mempunyai pelbagai agama dan etnik yang umumnya agama mempunyai hubungan rapat dengan etnik iaitu etnik Melayu identik dengan anutan kepada agama Islam, Cina menganut agama Buddha dan agama tradisionalnya (Tao dan Konfucionisme) serta etnik India merupakan penganut Hindu (Mohd Anuar et al., 2013). Antara perayaan yang telah menimbulkan polemik dalam masyarakat ialah Pesta Ponggal dan sambutan Tahun Baru Cina.

### **Pesta Ponggal: Perayaan Masyarakat India**

Secara asasnya penganut agama Hindu mempercayai Tuhan Brahma, Vishnu dan Shiva. Selain daripada tiga tuhan ini, agama Hindu juga mempercayai kewujudan beribu-ribu dewa yang dianggap mempunyai kuasa seperti *Surya* (Dewa Matahari), *Agni* (Dewa Api Suci), *Indra* (Dewa Perang), *Waruna* (Dewa Alam Angkasa), *Wertra* (Dewa Jahat), *Candra* (Dewa Bulan) dan *Wayu* (Dewa Angin) dan banyak lagi (Mohd Rosmizi et al., 2011). Hari perayaan yang diraikan oleh agama Hindu ada banyak, namun perayaan yang dirayakan secara menyeluruh oleh masyarakat Hindu di Malaysia antaranya ialah Pongal, Thaipusam dan Deepavali (Ghazali, 2013). Ghazali (2013) menjelaskan bahawa perayaan ini berkait rapat dengan penzahiran kesyukuran umat Hindu di atas nikmat hasil tanaman yang diperoleh dengan khusus ditujukan kepada matahari dan lembu sebagai punca utama dan sumber tenaga yang mendatangkan hasil tuaian mereka.

Pongal bermaksud “nasi yang mendidih”, dengan demikian antara aktiviti yang dijalankan ialah memasak nasi (manis) dalam belanga yang baru sebagai sajian kepada Tuhan Matahari iaitu *Surya* (Ghazali, 2013). Selain itu, lembu dimandikan, dihiasi dengan kain, diberi makan nasi pongal dan direhatkan sehari serta kandangnya dibersihkan. Rumah (pintu) orang-orang Hindu dihiasi dengan daun mangga dan tebu. Pongal dirayakan selama empat hari iaitu antara bulan Januari hingga Februari dalam kalendar Tamil.

Perayaan ini dikenali dengan beberapa nama mengikut tempat, walau bagaimanapun secara umumnya perayaan ini adalah untuk menghormati Dewa Matahari iaitu *Surya*

(Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Dewa bermaksud roh yang dipuja-puja kerana dipercayai berkuasa atas alam dan manusia (Kamus Dewan, 2010). Dewa dapat juga digelar sebagai betara, yang-yang dan dewata manakala, kata ganda bagi dewa ialah dewa-dewa manakala bagi sesetengah masyarakat, dipercayai terdapat tuhan lelaki (dewa) dan tuhan perempuan (dewi) (*gods and goddesses*) (Puteh Noraihan & Zahir, 2017). Dewa-dewa ini telah mula dipercayai sejak sekian lama termasuklah bagi penganut Hindu yang meyakini dewa berkuasa bagi mengawal dunia dan segala isinya. Dewa mempunyai ciri khas dan kuasa tersendiri seperti Dewa Matahari dalam kepercayaan agama Hindu dan penjaga bagi sudut selatan dan barat yang dipercayai menaiki kereta kuda dan ditangannya terdapat bunga teratai dan juga cakera. Bahkan Dewa *Surya* ini dikatakan sebagai dewa tertinggi dalam kitab Hindu. Dewa ini juga dikatakan murid Dewa Siva yang paling pintar dan boleh meniru apa sahaja yang diajarkan kepadanya (Ida, 2018). Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019) telah menyenaraikan nama lain bagi Pesta Pongal ialah Pongal (Tamil Nadu), Maghi (Lahore), Bihu atau Bohaggiyo Bhishu (Assam), Sanskrat (Rajasthan), Makara Sankranti (Maharashtra), Uttarayan (Gujarat), Magha Saaji (Shimla) dan Poush Sankranti (Bengal Barat).

### **Perayaan Tahun Baru Cina**

*Gong Xi Fa Cai* (Mandarin) atau *Kung Hee Fatt Choy* (Hakka) atau *Kung Hey Fatta Choy* (Kantonis) merupakan ucapan yang sering diucapkan ketika sambutan perayaan tersebut. Menurut Taufiq (2018) ucapan tersebut dapat dimaknai sebagai ucapan semoga bertambah rezeki atau selamat bertambah makmur. Umumnya semua perayaan keagamaan orang Cina berdasarkan kepada bulan tertentu yang terdapat di dalam kalendar (Ghazali, 2013). Tahun Baru Cina adalah sambutan kedatangan tahun baru mengikut kalendar lunar Cina. Dengan demikian, tahun baru mereka kebiasaannya jatuh pada 21 Januari hingga 20 Februari pada setiap tahun. Masyarakat Cina mempercayai bahawa setiap tahun mempunyai kelebihan tersendiri berdasarkan zodiak haiwan yang terdapat pada kalendarinya (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016). Perayaan ini diraikan adalah untuk mensyukuri kuasa langit dan bumi atas keamanan dan kemewahan sepanjang tahun yang berlalu sambil mengharapakan keadaan yang sama pada tahun berikutnya (Ghazali, 2013). Selain itu, perayaan ini dianggap sebagai turunnya semua roh datuk nenek yang akan menyaksikan pertemuan semula dengan yang masih hidup pada majlis makan sekeluarga pada waktu petang menjelang hari raya keesokan harinya (Ghazali, 2013). Perayaan ini disambut dengan penyediaan pelbagai jenis makanan bagi menjamu pengunjung yang terdiri daripada sahabat handai dan rakan taulan. Perayaan ini berlangsung sehingga hari ke 15.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019) menjelaskan antara amalan dan adat yang berkaitan sambutan tahun baru ialah: (1) ahli keluarga akan membersihkan rumah dan menurut kepercayaan masyarakat Cina amalan ini dilaksanakan bagi menghilangkan hantu dan sial; (2) makan malam bersama pada malam sambutan tahun baru adalah satu perkara yang sangat penting; (3) sampul merah (*hong bao* dalam bahasa Mandarin manakala *ang pow* dalam bahasa Hokkien) akan diberikan kepada mereka yang belum berkahwin dan tidak mempunyai pekerjaan oleh pasangan yang sudah berkahwin; (4) warna merah bagi melambangkan nasib dan juga masa hadapan yang baik. Dekorasi rumah juga akan dihiasi dengan hiasan-hiasan yang berwarna merah; (5) memakan mee yang panjang dengan kepercayaan bahawa semakin panjang mee yang dimakan, semakin panjang umur yang bakal dinikmati. Jika mahu umur yang panjang, jangan dipotong mee tersebut; dan (6) memakai pakaian yang berwarna merah dan mengelak dari memakai pakaian berwarna hitam. *Yee Sang* atau *Yusheng* adalah makanan yang dihidangkan pada sambutan Tahun Baru Cina diraikan. Bahan-bahan di dalam hidangan ini ialah campuran tujuh jenis warna iaitu hirisan betik, lobak putih, lobak merah, salmon mentah, kacang, aneka sayur-sayuran dan aneka sos serta ramuan lain. Namun begitu menghidangkan makanan ini pada hari sambutan tersebut hanya diadakan di Malaysia dan Singapura.

## HUKUM PENGLIBATAN ORANG ISLAM DALAM PERAYAAN BUKAN ISLAM

Secara umumnya terdapat dua pendapat umum para ulama terhadap hukum penglibatan orang Islam dalam perayaan bukan Islam (Mohd Rus & Zulfaqar, 2007). Pendapat pertama menyebutkan haram secara mutlak. Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1997) menyatakan haram bagi seorang Muslim mengucapkan tahniah ke atas perayaan non-Muslim. Beliau berpendapat walaupun pelakunya tidaklah menjadi kafir dengan perbuatan tersebut, ianya merupakan satu perkara yang terlarang di sisi syarak kerana ianya seakan-akan mengucapkan tahniah di atas kekufuran mereka kepada Allah. Mengambil kira pendapat ini dalam mengucapkan tahniah maka difahami pengharamannya sudah tentu lebih utama dalam penglibatan sorang Muslim secara langsung. Lajnah Fatwa al-Da'im (1990) yang dianggotai oleh ulama-ulama Arab Saudi secara mutlak mengharamkan penyertaan orang Islam dalam perayaan orang bukan Islam. Menurut fatwa ini sebarang penglibatan dalam perayaan orang bukan Islam membawa maksud *tasyabbuh* dan redha terhadap kemungkaran akidah yang diamalkan oleh mereka. Bahkan menetapkan hari Sabtu dan Ahad sebagai cuti mingguan juga tidak dibenarkan kerana ianya merupakan *tasyabbuh* perbuatan Yahudi dan Nasrani yang mengagungkan hari Sabtu dan Ahad (Lajnah Fatawa al-Da'im, 1990). Hal yang sama dinukilkan oleh Sa'id Abd al-'Azim (2006) yang memetik fatwa Syaikh Ibn Baz berkenaan hal ini. Menurut pendapat ini mengucapkan selamat kepada orang kafir ketika perayaan mereka khususnya ahli kitab bukan sahaja



dilarang bahkan dianjurkan untuk menzahirkan kebencian terhadapnya serta berusaha menjelaskan kesesatannya (Sa'id Abd al-'Azim, 2006).

Manakala pendapat kedua menyatakan ianya tidak haram secara mutlak. Mengikut pendapat ini melibatkan diri dalam perayaan non-Muslim khususnya mengucapkan selamat termasuk dalam perkara *mujamalah* (kesopanan), bukannya *tasyabbuh*. Pandangan demikian dikemukakan oleh ulama-ulama kontemporari seperti Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi, Dr. Mustafa al-Zarqa, Dr. Abdul Sattar Fathullah Sa'id, Dr. Ahmad al-Syarbashi dan Dr. Abdul Hayei (Mohd Rus & Zulfaqar, 2007). Dar al-Ifta' al-Misriyyah yang merupakan badan fatwa berautoriti dan tersohor di Mesir juga telah mengeluarkan pandangan sedemikian khususnya dalam hal perayaan Krismas. Pandangan ini telah diumumkan melalui video oleh Setiausaha Fatwa Dar al-Ifta' iaitu Syeikh Ahmad Wisam di mana menurut beliau, hukum bagi seorang Muslim mengucapkan tahniah sempena hari Krismas ialah harus bahkan turut sama memeriahkan sambutan perayaan tersebut bersama rakan taulan dan anggota masyarakat adalah diharuskan atas dasar persaudaraan, toleransi dan hormat menghormati. Menurut beliau lagi, perkara ini tidak dikira termasuk dalam *tasyabbuh* yang dilarang oleh syarak Namun keharusan ini terpakai selagi mana tidak disertai upacara-upacara keagamaan yang berkaitan dengan akidah (al-Yaum al-Sabi', 2020).

Perbincangan berkenaan hukum penglibatan orang Islam dalam perayaan non-Muslim bertitik tolak daripada aspek *tasyabbuh*. *Tasyabbuh* boleh didefinisikan sebagai penyerupaan orang Islam terhadap orang bukan Islam pada sesuatu perkara khususnya dalam aspek keagamaan mereka. Pengharaman *tasyabbuh* amalan bukan Islam dalam soal akidah dan ibadat merupakan suatu perkara yang disepakati oleh ulama dan tidak ada perselisihan padanya (Ade Wahidin, 2018). Walau bagaimanapun, terdapat kategori *tasyabbuh* yang dibenarkan oleh syarak seperti aspek pendidikan dan ilmu pengetahuan bermanfaat yang sama sekali tidak berkaitan dengan dengan aspek akidah, ibadat, syiar dan budaya (Khadijah, 2020). Justeru dalam konteks hukum, titik perbezaan pendapat yang berlaku ialah pada tafsiran terhadap kewujudan unsur *tasyabbuh* dalam hal tersebut. Bagi golongan yang berpendapat hukumnya haram, mereka berhujah dengan kewujudan *tasyabbuh* dalam amalan tersebut. Sedangkan pendapat yang mengharuskan dengan syarat menafikan unsur *tasyabbuh* selagi mana tidak melibatkan upacara dan ritual keagamaan.

Dalam konteks Malaysia yang mempunyai kepelbagaian agama, kaum dan budaya sudah tentu isu kemaslahatan masyarakat perlu diambil kira. Bagi mengekalkan keharmonian antara umat beragama dalam masa yang sama menjaga kesucian Islam, tindakan yang teliti dan menyeluruh perlu dilaksanakan. Justeru itu, pihak JAKIM telah menyusun 'Garis Panduan Orang Islam Turut Hari Kebesaran Agama Orang

Bukan Islam’ dan dikemukakan kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-68 yang bersidang pada 14 April 2005. Secara umumnya, garis panduan tersebut menyatakan keharusan penyertaan orang Islam dalam perayaan agama orang bukan Islam dengan berpandukan beberapa syarat iaitu tidak menyertai sebarang upacara keagamaan yang bertentangan dengan akidah Islam, majlis tidak disertakan dengan perbuatan yang melanggar syarak, tidak ada unsur mempermainkan dan merendahkan kesucian Islam, tidak disertai perkara yang menyentuh sensitiviti umat Islam serta tidak disertai amalan-amalan yang bercanggah dengan nilai akhlak Islam (Muhd Rus & Zulfaqar, 2007). Justeru itu, secara umumnya di Malaysia, pendapat yang mengharuskan dengan syarat dilihat lebih relevan dengan suasana dan keadaan masyarakat setempat. Hal ini adalah untuk menjaga kemaslahatan dalam komuniti memandangkan di Malaysia terdapat pelbagai jenis budaya dan agama. Walau bagaimanapun, sekiranya ia melibatkan ritual dan unsur-unsur kepercayaan yang bercanggah dengan akidah Islam, ianya tidak dibenarkan. Hal ini adalah untuk menjaga akidah Islam selari dengan kehendak maqasid syar’iyyah yang paling penting iaitu menjaga agama (*hifz al-din*).

## PERBINCANGAN

### Pesta Pongal

Pongal ialah sebuah perayaan yang disambut sebagai sembahkan kepada Dewa Surya. Tujuan sambutan Pongal ialah membesarkan dan memuja dewa-dewa dalam kepercayaan Hindu selain mengagungkan lembu yang dianggap suci oleh mereka. Justeru perayaan ini secara langsung berkait dengan akidah dan kepercayaan. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 2/2017 pada 18-19 April 2017 telah memutuskan bahawa orang Islam dilarang daripada menyertai atau menganjurkan perayaan Pongal kerana ia mempunyai unsur-unsur khurafat, pemujaan dan penyembahan. Amalan menghadiri dan menyertai perayaan keagamaan orang bukan Islam seperti sambutan Pongal adalah bersalahan dengan peruntukan dalam agama Islam yang melarang perbuatan berkenaan dan mempunyai unsur-unsur *tasyabbuh* (Mohd Anuar et al., 2013). Meskipun penyertaan umat Islam dalam perayaan Pongal dilakukan dengan tiada niat untuk turut sama mengagungkan dewa-dewa tersebut, penyertaan dalam perayaan Pongal jelas mempunyai unsur-unsur *tasyabbuh* kerana perayaan ini disambut dengan ritual-ritual keagamaan yang jelas. Dalam perayaan ini masyarakat Hindu Chitty di Melaka akan memasak makanan tradisional seperti nasi lemak kukus berlauk pinding ikan parang, kuah terung, sambal timun, udang, urap kelapa, kangkung tumis, kacang goreng minyak, acar cili dan sambal tahi minyak (Paramasivam & Che Ibrahim, 2016). Keadaan ini menunjukkan telah berlaku asimilasi masakan Melayu yang ketara antaranya ialah kuih ondeh-ondeh, kuih dodol, kuih dadar, kuih koci, ikan pinding, sambal belimbing udang, otak-otak, cencaluk dan sebagainya. Namun begitu, memandangkan penganut agama

Hindu bertegas dengan keyakinan mereka iaitu sambutan Pongal adalah bentuk penghormatan kepada para dewa yang memastikan kelangsungan hidup penganut Hindu, maka dilarang sama sekali bagi masyarakat Islam untuk meraikannya (Khadijah, 2020).

### **Tahun Baru Cina**

Tahun Baru Cina pula merupakan satu perayaan adat yang tidak ada kaitan dengan permasalahan akidah (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Hal ini telah dijelaskan oleh Zulkifli (2017) bahawa perayaan ini hanya menyambut tahun baru semata-mata dan perayaan ini tiada kaitan dengan keagamaan (Taufiq, 2017). Bagi ucapan Selamat Tahun Baru yang diucapkan pada setiap kali tiba Tahun Baru Cina juga tiada masalah dan tidak bercanggah dengan akidah Islam malah ia merupakan satu ucapan yang baik dan melambangkan perpaduan yang erat sesama masyarakat di Malaysia. Bagi acara makan *Yee Sang* pula sama sekali tiada halangan untuk dinikmati bersama-sama sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 168:

Maksudnya: *“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”*.

Berdasarkan kepada ayat ini membuktikan bahawa tiada masalah untuk menikmati *Yee Sang* mengandungi bahan-bahan yang baik dan tidak ada perkaitannya dengan permasalahan akidah baik dari segi ucapan mahupun iktikad semasa upacara tersebut berlangsung (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Sesuai dengan *‘uruf* majmuk yang merupakan amalan yang telah menjadi kebiasaan masyarakat Malaysia seperti amalan adat ziarah-menziarahi musim perayaan dan anjuran rumah terbuka bagi meraikan kehadiran penganut agama lain (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2011) dianggap dapat memupuk semangat muhibbah serta menjaga hubungan antara kaum dengan baik dan harmoni.

### **KONSEP DIALOG ANTARA AGAMA**

Dialog antara agama di Malaysia dikatakan telah bermula sejak sekian lama dan ia dikatakan sebagai satu metode perdamaian (*reconciliation method*) yang boleh menyumbang kepada penyatuan berbanding perpecahan khususnya dalam aspek keagamaan (Khairulnizam et al., 2014). Dialog agama merupakan mekanisme berkesan dalam mewujudkan perpaduan kaum dan agama bagi mengekalkan keharmonian dalam perbezaan. Malah, selepas diisytiharkan tahun 2001 sebagai tahun dialog, banyak pihak telah sudah mula menerimanya (Rahimin et al., 2011). Bahkan sesetengah pengkaji juga merumuskan aktiviti dialog antara agama yang bertindak

sebagai ejen perdamaian (*reconciliation*) telah berlaku di Malaysia sejak kira-kira 60 tahun (Khairulnizam et al., 2014).

Perkataan dialog dalam Bahasa Melayu bermaksud percakapan, perbicaraan baik dalam lakonan dan lain-lain; atau tulisan dalam bentuk bercakapan; pertukaran pendapat dan soal jawab mengenai sesuatu (Kamus Dewan, 2010). Dialog dikatakan sebagai satu elemen komunikasi dan medium interaksi yang melibatkan pertemuan dan perbincangan mengenai sesuatu isu yang menimbulkan perbezaan pendapat, kesangsian dan salah faham di antara pelbagai masyarakat yang tinggal bersama (Rahimin et al., 2011). Ia bukan sahaja berkesan untuk mengelak daripada berlaku kekeliruan atau salah faham malah dapat memupuk perkongsian dalam kehidupan harian pelbagai etnik yang tinggal bersama-sama dalam satu komuniti besar. Dialog bermaksud perbincangan atau perbincangan antara dua pihak mengenai sesuatu perkara. Dialog ialah satu elemen komunikasi dan medium interaksi yang melibatkan pertemuan dan perbincangan yang bertujuan untuk menjernihkan sesuatu isu yang menimbulkan perbezaan pendapat, kesangsian dan salah faham di antara pelbagai masyarakat yang tinggal bersama (Rahimin et al., 2011).

Perkataan dialog antara agama adalah kombinasi daripada perkataan ‘dialog’ dengan perkataan ‘agama’ yang merujuk kepada perbualan antara penganut agama dan proses pertukaran idea antara pihak yang terlibat membuat penilaian berhubung dengan pandangan yang dikemukakan (Ahmad Faizuddin & Jaffary, 2015). Antara perkara yang menjadi keutamaan di dalam dialog ialah keperluan menentukan konsep dan menetapkan hukum-hakam. Menurut Khadijah et al. (2012), dialog antara agama mampu bertindak sebagai ejen perdamaian antara dua atau lebih kelompok berlainan agama kerana ianya disifatkan sebagai salah satu proses memantapkan kesedaran seseorang. Kepentingan dialog dapat dilihat dalam objektifnya iaitu memupuk semangat kekitaan antara masyarakat, mencetus keharmonian hidup bersama serta bertindak sebagai mekanisme perpaduan dan dialog sebagai landasan untuk merapatkan jurang antara masyarakat majmuk. Manakala dalam pelaksanaan dialog, ciri-ciri utama yang perlu ada dalam setiap ketua agama yang terlibat ialah berilmu, berpengalaman, berpersonaliti yang baik dan mempunyai hubungan sosial yang baik (Khairulnizam et al., 2015). Manakala Muhammad Sayyid (2015) menekankan kepentingan etika dan adab dialog dalam Islam bagi mengawal perdebatan dan perbincangan yang berlaku semasa manusia.

Realiti proses dialog yang disifatkan sebagai dinamik sesuai dengan perkembangan masyarakat di Malaysia terdiri daripada tiga bentuk (Rahimin et al., 2011). Pertama ialah dialog dalam kehidupan yang merujuk kepada amalan dan kegiatan harian yang hidup di dalam kepelbagaian lanskap budaya. Dialog kehidupan ini lebih terarah kepada pembentukan patriotisme dan integrasi nasional. Manakala yang kedua pula

ialah, dialog melalui tindakan bersama iaitu gerak kerja dan tindakan yang dilaksanakan demi keuntungan semua pihak seperti isu kemanusiaan sejagat antaranya ialah isu alam sekitar, kemiskinan dan masalah-masalah sosial yang lain. Bentuk dialog yang ketiga ialah dialog melalui wacana intelektual. Mekanisme untuk dialog ini ialah melibatkan perbincangan antara agama-agama namun begitu, kaedah ini masih belum dilaksanakan secara meluas. Bagi melaksanakan dialog jenis ini, peserta dialog perlu mempelajari dan membentuk kemahiran insaniah untuk dibudayakan selain mendalami serta menguasai ilmu pengetahuan tentang perbandingan agama, kajian agama dan teks kitab-kitab suci. Dialog ini membuka ruang bagi bukan Islam yang hidup dalam komuniti Islam memahami Islam dan gaya hidup Islam seperti ibadah sembahyang, puasa, konsep aurat dan sebagainya dalam masa yang sama membolehkan orang Islam hidup bermasyarakat dengan bukan Islam (Suraya et al., 2012).

Dalam sebuah negara yang berdiri di atas kepelbagaian kepercayaan seharusnya ahli masyarakat perlu mempunyai pengetahuan asas terhadap konsep-konsep utama termasuk perayaan dalam agama lain. Terdapat kajian yang dijalankan tentang tahap pengetahuan masyarakat lokal terhadap agama-agama dominan di Malaysia khususnya di Kedah dan Selangor (Muhammad Nazmi et al., 2016). Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak membezakan sama ada perayaan agama-agama dominan ini berpunca daripada adat atau upacara keagamaan walaupun hasil kajian membuktikan tahap pengetahuan masyarakat lokal berada pada tahap yang baik. Justeru dalam isu pesta Pongal dan Tahun Baru Cina, pendekatan dialog dilihat mampu mendokong jurang kefahaman antara umat beragama. Masyarakat Hindu perlu diperjelaskan berkenaan tegahan kepada umat Islam untuk menyertai perayaan Pongal, manakala umat Islam sendiri perlu memahami realiti perayaan tersebut serta batas-batas akidah yang perlu dijaga. Dalam soal Tahun Baru Cina, masyarakat Cina perlu menjelaskan bahawa perayaan ini hanyalah satu perayaan budaya yang tidak mempunyai unsur akidah yang boleh merosakkan akidah. Usaha-usaha sebegini mampu dilaksanakan dengan pendekatan dialog antara agama.

## **KESIMPULAN**

Dalam keadaan kejiranan dan kemasyarakat yang unik di Malaysia, konflik dan polemik berkaitan Pesta Pongal dan Tahun Baru Cina sentiasa wujud saban tahun. Bagi masyarakat Melayu-Islam, umumnya mereka mengambil pendekatan berhati-hati untuk tidak terjerumus dalam kerosakan akidah. Kajian telah membuktikan bahawa perayaan Pongal bersangkut-paut dengan unsur kepercayaan. Oleh itu, umat Islam dilarang untuk turut terlibat dalam perayaan ini. Sebaliknya perayaan Tahun Baru Cina lebih menjurus kepada perayaan budaya tanpa melibatkan hal ehwal akidah. Namun hal ini kadang kala menimbulkan prasangka dan keadaan tidak senang

khususnya dalam kalangan penganut Hindu dan agama Cina, bahkan dari sesetengah orang Islam sendiri kerana dikhuatiri keharmonian dalam masyarakat berbeza agama akan terjejas. Justeru itu, bagi mengatasi konflik yang mungkin akan tercetus, satu mekanisme perlu dibentuk dan diamalkan bagi meleraikan segala kekeliruan yang timbul daripada semua pihak. Mekanisme yang terbaik ialah dialog antara agama. Melalui pendekatan dialog, penganut antara agama khususnya Islam dengan agama lain berpeluang mempelajari isi kandungan agama masing-masing seterusnya mencapai kata sepakat dalam kerangka toleransi dan keharmonian. Namun perlu diingatkan dalam perspektif Islam, dialog antara agama perlu berteraskan kepada konsep *‘li ta ‘arafu’* iaitu untuk saling kenal mengenali. Dalam konteks dialog antara agama yang berlawanan dengan Islam, konsep saling mengenali ini lebih bersifat *al-Sulh* iaitu perdamaian antara agama Islam dengan agama lain. Ianya bukanlah bersifat pluralistik atau polytheist iaitu membenarkan keabsahan agama lain (Khadijah et al., 2012). Menerusi metode dialog antara agama, kehidupan bermuafakat dalam kerangka masyarakat majmuk dapat diwujudkan dalam suasana harmoni dengan mengambil kira roh perlembagaan Malaysia yang meraikan kebebasan beragama, dengan mengambil kira Islam sebagai agama bagi persekutuan.

Cadangan kajian lain yang dapat dijalankan di masa hadapan adalah kefahaman masyarakat dan sokongan masyarakat terhadap keperluan medan dialog di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian telah banyak dijalankan berkaitan dengan dialog. Namun begitu, isi dan kualiti bahan yang dibincangkan perlu ditambahbaik agar maklumat yang menjadi kebiasaan urusan harian dapat disampaikan dan difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Kajian ini telah dapat menyumbang kepada bidang ilmu pengetahuan terutama bagi bangsa Melayu yang beragama Islam supaya tidak lagi menjadi isu salah faham dalam perayaan agama lain. Dengan itu, diharapkan artikel ini dapat mengekalkan kesepaduan antara kaum-kaum di Malaysia.

## RUJUKAN

- Ahmad Faizuddin, R., & Jaffary, A. (2015). Dialog antara agama dalam sejarah tamadun Barat. Dlm, Zubir Idris, Badrul Redauan Abu Hassan, Nasrudin Subhi & Wan Amizah Wan Mahmud. *Peradaban, harapan & kilanan: Wawasan pemikiran bahasa, sastera, budaya & agama*. Kuala Lumpur: Perbadanan Kota Buku.
- Al-Yaum al-Sabi’ (2020), Dar al-Ifta’: Yajuz li al-Muslimin al-ihthifal bi ‘aid al-milad wa tahni`ah al-masihyyin. Isnin, 28 Disember 2020. Sumber: <https://www.youm7.com/story/2020/12/28/> Dicapai pada 12 Ogos 2021.
- Azizan, B., & Zaid, A. (2014). *Kajian isu dan cabaran hubungan antara penganut agama di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) & Universiti Putra Malaysia (UPM). Diperoleh dari, [https://www.researchgate.net/publication/288827698\\_KAJIAN\\_ISU\\_DAN](https://www.researchgate.net/publication/288827698_KAJIAN_ISU_DAN)

CABARAN\_HUBUNGAN\_ANTARA\_PENGANUT\_AGAMA\_DI\_MALAYSIA [dicapai pada Mar 05 2020].

- Ding, C. M. (2005). Perpaduan kaum dan toleransi agama di Malaysia, dlm. Mohd Taib Hj. Dora & Rahman Hashim. *Liberalisasi komuniti*. Melaka: Kolej Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali, B. (2013). *Ilmu Perbandingan Agama: Suatu pengenalan*. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar Al-Hikmah.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abu Bakr (1997). *Ahkam ahl al-zimmah*. Jil. 1. Dammam: Ramadi li al-Nasyr.
- Ida, A. K. A. (2018). Dewa Surya tertinggi dalam agama Hindu, dlm. I Wayan Watra, I Wayan Martha, Ida Ayu Komang Arniati, I Wayan Sumadiyasa & A.A Kade Sri Yuadri. *Energi Perspektif Budaya*. Bali: Universitas Hindu Indonesia.
- Jabatan Peguam Negara (Federal Constitution). (2010). *Perlembagaan Persekutuan*. Malaysia: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang.
- Kamus Dewan*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah, M. K. @ H. (2020). Analisis perayaan Thai Pongal menurut perspektif pemikiran Islam. *Jurnal al-Ummah*, 2, 49-72.
- Khadijah, M. K. @ H., & Mohd Herzali, M. H. (2008). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81-92.
- Khadijah, M. K. @ H., Nurhanisah, S., & Suraya, S. (2012). Citra dialog antara agama dalam perspektif Islam dan Kristian: Analisis Awal. *MALIM – SEA Journal of General Studies*, 13, 169-198.
- Khadijah, M., Khairul Anwar, M., & Fazilah, I. (2018). Pengalaman toleransi beragama belia pelbagai etnik. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)*, 5(1), 100-107.
- Khairulnizam, M. K., Khadijah, M. K. @ H., & Suzy, A. S. (2014). Kefahaman konsep asas dialog antara agama di kalangan ketua agama Islam dan Kristian di Malaysia dan kesannya terhadap hubungan sosial. *Global Journal of al-Thaqafah (GJAT)*, 4(1), 69-82.
- Khairulnizam, M. K., Suzy, A. S., & Khadijah, M. K. @ H. (2015). Pemimpin agama: Model ejen pelaksana dialog antara agama di Malaysia. *Proceeding of the 2nd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (iCASiC2015)*, 695-712.
- Lajnah al-Da`imah li al-buhuth al-`ilmiyyah wa al-ifta' (1990). *Fatawa al-lajnah al-da`imah li al-buhuth al-`ilmiyyah wa al-ifta'*. Jil. 1. Riyadh: Dar al-Mu`ayyid.
- Mazlan, I. (2017). *Al-Tasamuh dalam al-Quran: Satu kajian tafsir tematik*. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and*

- Social Harmony in Southeast Asia 2017*, Universiti Kebangsaan Malaysia & Princess of Naradhiwas University, 442-447.
- Mohd Anuar, R., Paizah, I., Ahmad Badri, A., & Mohammad Aizat, J. (2013). Fenomena *al-tasyabbuh* (penyerupaan) dalam sambutan perayaan masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 21(1), 21-42.
- Mohd Rosmizi, A. R., Wan Mohd Fazrul, A. W. R., Marina, M. A. M., & Roslizawati, M. R. (2011). *Agama-agama di dunia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Rus Yunus & Zulfaqar Mamat (2007). Merayakan hari Kebesaran agama orang bukan Islam menurut perspektif Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 2, 83-93.
- Muhammad Nazmi, A. H., Jaffary, Awang., & Muhammad Helmy, A. G. (2016). Tahap pengetahuan rakyat Malaysia terhadap asas agama-agama dominan di Malaysia: Kajian lapangan di negeri Kedah dan Selangor. *Jurnal Komunikasi Borneo*, Edisi Khas, 64-83.
- Muhammad Sayyid, T. (2015). *Adab Dialog dalam Islam*, terj. Adab al-hiwar fi al-Islam. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Mutsalim, K., & Jaffary, A. (2014). Toleransi beragama & implikasinya dalam kalangan mahasiswa/I muslim dan Buddha di Prince of Songkhla University. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(2), 1-14.
- Mutsalem, K., & Jaffary, A. (2012). Cultural socialization and its relation to the attitude of religious tolerance among Muslim and Buddhist Students in Prince of Songkhla University. *International Journal of Islamic Thought*, 2, 12-22.
- Paramasivam, M., & Che Ibrahim, S. (2016). Asimilasi budaya tempatan kaum peranakan Chitty Melaka. *MAHAWANGSA*, 3(1), 1-10.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). *Muslim menyertai Pesta Pongal*. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/3062-al-afkar-39-muslim-menyertai-pesta-pongol>, 5 Mac 2020.
- Puteh Noraihan, A. R., & Zahir, A. (2017). Hubungan Simbolisme dan Spiritualisme Dewa-Raja dalam Kesusasteraan Melayu Klasik. *Kemanusiaan*, 24(2), 123-139.
- Rahimin, A. A. R., Mohd Anuar, R., Paizah, I., & Nor Hayati, M. D. (2011). Dialog antara agama: realiti dan prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(2), 91-110.
- Sa'id Abd al-‘Azim (2006). *Hukm Mu`amalah Ahl al-Kitab*. Iskandariah: Dar al-Iman.
- Siti Khatijah, Y., & Fadzli, A. (2015). Konflik perpaduan kaum dalam ketamadunan masyarakat Melayu Malaysia. *Proceedings of ICIC (International Conference on Empowering Islamic Civilization) in the 21st Century*, 6-7 September, Universiti Sultan Zainal Abidin, 718-723.



- Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2017). *Pesta Pongal dan Tanglung*. Diperoleh dari, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15456>, dicapai pada 5 Mac 2020.
- Sumber Maklumat al-Ahkam al-Fiqhiyyah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2017). *Hukum penglibatan orang Islam dalam perayaan bukan Islam dalam konteks Malaysia*. Diperoleh dari, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/15493>, dicapai pada 5 Mac 2020.
- Suraya, S., Azizan, B., & Khadijah, M. K. @ H. (2012). Dialogue of life and its significance in inter-religious relation in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 2, 69-79.
- Taufiq, Y. Y. H. (2017). *Tahun Baru Cina bukan ritual keagamaan*. Harian Metro, 9 February, p. 35.
- Taufiq, Y. Y. H. (2018). *Islam tak larang rai Tahun Baru Cina*. Harian Metro, 22 Februari., p. 25.
- Wahidin, Ade. (2018). Tinjauan dan hukum tasyabuh perspektif empat imam madzhab. *Al-Mashlahah: Jurnal Hukum Islam dan Pranata Sosial*, 6(49), 49-72.